

HAMKA: PENDEKATAN SEIMBANG DALAM FALSAFAH DAN PENDIDIKAN ISLAM

HAMKA: A BALANCED APPROACH IN ISLAMIC PHILOSOPHY AND EDUCATION

Wan Luqman Putra Wan Mohd Lotpi¹
Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,
(E-mail: wanluqmanputra@graduate.utm.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,
(Email: muhammadtalhah.j@utm.my)

Article history

Received date	:	10-2-2025
Revised date	:	11-2-2025
Accepted date	:	19-3-2025
Published date	:	27-3-2025

To cite this document:

Wan Mohd Lotpi, W. L. P., & Ajmain @ Jima'ain, M. T. (2025). HAMKA: Pendekatan seimbang dalam falsafah dan Pendidikan Islam. *Journal of Islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 480- 488.

Abstrak: *Haji Abdul Malik Karim Amrullah HAMKA (1908-1981) merupakan ilmuwan Islam yang telah menguasai pelbagai bidang ilmu Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam, fiqh, akidah, akhlak dan tasawuf. Penulisan karya seperti Tafsir al-Azhar dan novel-novel berunsur Islam telah membuktikan kesarjanaan HAMKA. Walaupun begitu, beliau juga telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam bidang falsafah dan pendidikan. Antara karya beliau yang membincangkan falsafah dan pemikiran ialah "Falsafah Hidup (1940)", "Tasawuf Modern (1939)", "Pedoman Hidup (1940)", "Pandangan Hidup (1952)" dan "Lembaga Budi (1939)". Karya-karya tersebut menjelaskan pandangan beliau terhadap hubungan antara agama Islam dan falsafah, serta keperluan menjadikan agama sebagai asas kepada pembentukan akhlak dan masyarakat. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan tentang kedudukan falsafah dalam Islam menurut pandangan HAMKA. Penulisan ini akan menggunakan metodologi kualitatif iaitu menggunakan kaedah keperpustakaan. Dalam membincangkan tentang kedudukan falsafah dalam Islam, HAMKA telah meletakkan satu neraca pertimbangan yang seimbang dan berhikmah. Beliau telah memberikan pandangan bahawa falsafah Pendidikan bertujuan membentuk insan yang bertaqwa. HAMKA menegaskan bahawa akhlak perlu berasaskan tauhid dan turut dipengaruhi oleh persekitaran serta latihan rutin dalam membentuk sikap dan tingkah laku individu.*

Kata Kunci: *Falsafah Pendidikan, HAMKA, Pendidikan Islam, Akhlak berasaskan Tauhid*

Abstract: *Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) (1908-1981) was a prominent Islamic scholar who mastered various fields of Islamic Studies, including Islamic Education, fiqh, theology, ethics, and Sufism. His scholarly works, such as Tafsir al-Azhar and novels with Islamic themes, demonstrate his intellectual contributions. However, HAMKA also made*

*significant contributions to the fields of philosophy and education. His works that discuss philosophy and thought include *Falsafah Hidup* (1940), *Tasawuf Modern* (1939), *Pedoman Hidup* (1940), *Pandangan Hidup* (1952), and *Lembaga Budi* (1939). These works elaborate on his views on the relationship between Islam and philosophy, as well as the necessity of using religion as a foundation for the development of ethics and society. This article aims to examine HAMKA's perspective on the role of philosophy in Islam. The study employs a qualitative methodology with a library research approach. In discussing the place of philosophy within Islam, HAMKA established a balanced and wise perspective. He asserted that the purpose of educational philosophy is to cultivate a pious individual. HAMKA emphasized that ethics should be grounded in tawhid (monotheism) and influenced by the environment and consistent practice in shaping individual character and behavior.*

Keywords: *Islamic Educational Philosophy, HAMKA, Islamic Education, Ethics Based on Tawhid*

Pengenalan

Manusia memerlukan ilmu didalam menjalani kehidupan sehari-hari. Ilmu pengetahuan ini diperolehi melalui sebuah proses yang dinamakan sebagai Pendidikan. Hal ini dijelaskan oleh Hamka dalam kenyataannya “*pengajaran dan pendidikan adalah wasilah (jalan) yang paling utama bagi kemajuan bangsa, mencapai kedudukan yang mulia di dalam dunia. Berkat pendidikan dan pengajaran tercapailah cita-cita yang tinggi bagi setiap bangsa*” (Wiratmaja et al., 2021). Pendidikan merupakan satu usaha yang bertujuan untuk memberikan ilmu pengetahuan kepada seseorang manusia (Rahayu, 2023). Pendidikan juga bermaksud mewariskan nilai murni kepada manusia untuk kehidupan sosial yang selaras dengan persekitaran setempat (Karumiadri et al., 2023). Hal ini juga dilihat sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu:

“*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara*” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025).

Pendidikan yang akan dibahaskan di sini lebih kepada Pendidikan Islam menurut seorang tokoh yang terkenal dalam bidang Pendidikan. Beliau adalah Haji Abdul Malik Karim Amrullah, atau lebih dikenali sebagai HAMKA menerusi nama penanya (Ridzuan, 2020). Pengkaji memilih HAMKA kerana sumbangannya kepada Pendidikan Islam melalui pendekatan yang holistik dan menyeluruh hampir sama seperti yang termaktub didalam FPK. Beliau menekankan bahawa pendidikan bukan sekadar penyampaian ilmu pengetahuan, tetapi merangkumi pembentukan individu dengan akhlak mulia dan keperibadian unggul. Terdapat kajian lepas yang dilakukan oleh Safitri Ani dan Dodi Irawan bertajuk Konsep Pendidikan Islam dalam Perspektif Pemikiran Buya Hamka pada tahun 2023 yang mengulas pandangan HAMKA terhadap pendidikan Islam secara umum sahaja, berbeza dengan kajian yang dilakukan ini kerana kajian ini memberikan penekanan yang lebih mendalam kepada konsep falsafah

pendidikan yang seimbang, berdasarkan karya-karya HAMKA serta metodologi yang digunakan untuk menganalisis pemikirannya.

Latar Belakang Hamka

Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau nama penanya Hamka dilahirkan pada 17 Februari 1908 di Sungai Batang, Sumatera Barat, Indonesia. Beliau mendapat bimbingan awal daripada ayahnya, Abdul Karim Amrullah, yang merupakan seorang ulama reformis. Pendidikan formal beliau berlangsung di institusi Islam seperti *Diniyah School* dan Sumatera Thawalib. Selain itu, Hamka juga mempelajari pelbagai ilmu secara autodidak, termasuk falsafah, sosiologi, dan sejarah, yang memperkaya perspektif beliau terhadap dunia Islam (Irawan, 2023; Ridzuan, 2020).

Selain itu juga Hamka adalah seorang tokoh pendidikan Islam yang dihormati di Asia Tenggara sebagai ulama, sasterawan, dan pemikir. Beliau mendapat gelaran sebagai “Buya” berasal dari perkaraan arab ‘Abi’ atau ‘Abuya’ yang membawa makna ayah atau seseorang yang sangat dihormati (Ahmad Nasruddin, 2020). Pada usia seawal 17 tahun, beliau telahpun giat menyampaikan ceramah dikampung halamannya serta mengajarkan ilmu berpidato kepada mereka. Terdapat 115 buah karya yang beliau berhasil nukilkan seperti Kitab Tafsir al-Azhar yang mashur di Nusantara sehingga kini, Tenggelamnya Kapal Van Der Wijk sehingga diadaptasikan kedalam bentuk filem yang juga mendapat sambutan yang kuar biasa.

Pada tahun 1949, buya Hamka menceburi bidang politik dengan menjadi salah seorang anggota parti Majlis Syuro Muslimin Indonesia (Masyumi) dan dilantik sebagai Wakil bagi parti tersebut untuk menyuarakan usul membangunkan Negara Indonesia pada tahun 1955. Setelah itu, beliau mendapat gelaran Dokter Honoris Causa selepas menyampaikan ceramah di Universiti Al-Azhar, Cairo. Terdapat banyak lagi persidangan peringkat antarabangsa yang beliau hadiri untuk menyampaikan ceramah seperti di Amerika, Burma, Muangthai dan juga Lahore. Hal ini di bantu dengan jawatannya sebagai Penasihat Department Agama pada ketika itu.

Hamka berjaya menyempurnakan karyanya iaitu Tafsir Al-Azhar ketika berada didalam penjara dan juga sebuah buku yang bertajuk “*Antara Fakta dan Khayal Tuanku Rao*”. Hal ini kerana beliau difitnah pada ketika itu sehingga menyebabkan beliau di masukkan kedalam penjara. Fitnah yang dibawa oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) bahawa Hamka melakukan plagiat terhadap karya Mutofa Lutfi al-Manfaluti yang merupakan sasterawan Mesir (Karumiadri et al., 2023). Semangat patriotisme dan falsafah yang dibawa oleh Hamka menjadikan beliau sebagai seorang tokoh islam yang hebat dalam sejarah bangsa maupun agama.

Falsafah Pendidikan Islam Menurut Hamka

Pandangan Hamka mengenai pendidikan Islam ialah satu proses dan usaha membentuk sikap dan peribadi yang berbudi pekerti serta berakhhlak mulia bagi mencapai kemajuan bangsa yang berlandaskan keyakinan (tauhid). Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa Hamka percaya bahawa pendidikan Islam perlu mencapai keseimbangan antara ilmu duniawi dan ukhrawi. Dengan menjadikan Tauhid sebagai asas dalam pembentukan diri seseorang yang kukuh, jika asas itu kukuh, maka bangunan dan isinya akan kuat serta tahan lama. Maka beliau percaya bahawa Pendidikan tauhid itu perlu diberikan seawal mungkin dalam proses (Irawan, 2023).

Seterusnya, Buya Hamka mengetengahkan pendidikan budi pekerti dalam proses pendidikan beliau juga antaranya berterus terang, berkata jujur dan benar, teguh serta kuat dan tahan akan kritik. Dalam sebuah karyanya yang bertajuk “Lembaga Hidup” Hamka menyatakan tentang sikap jujur “seorang yang patut disebut mulia atau budiman, ialah bersikap terus terang, ikhlas jujur pada perkataan dan perbuatannya.” Menerusi karya tersebut membuktikan bahawa Hamka amat menekankan nilai-nilai murni seperti jujur dalam pembentukan budi pekerti seseorang (Inayati et al., 2020). Tambahan lagi, beliau juga menitikberat pendidikan akal, iaitu usaha untuk menambah ilmu pengetahuan serta melepaskan diri daripada keraguan terhadap sesuatu keyakinan atau pengetahuan. Pendekatan ini mengajar seseorang agar tidak terus menerima sesuatu tanpa mengkaji, dan tidak juga kekal dengan kepercayaan lama sebelum ianya diuji dan ditetapkan oleh akal mereka sendiri (Nashir, 2008).

Hamka melihat pendidikan bukan sekadar proses menimba ilmu tetapi sebagai satu usaha untuk membentuk insan yang lengkap, dengan penekanan kepada tiga elemen utama: ilmu, amal, dan akhlak. Ilmu bertindak sebagai asas untuk memahami dan meneroka dunia, amal sebagai penerapan ilmu dalam kehidupan sehari-hari, dan akhlak sebagai panduan moral untuk memastikan setiap tindakan berlandaskan nilai-nilai Islam. Sekiranya Pendidikan yang tidak seimbang tidak ada nilainya melainkan akan menghasilkan insan yang bijak akalnya namun akhlak dan perlakunya rosak sehingga mereka ini bukan lagi menjadi ubat untuk dunia melainkan racun yang berbahaya (Irawan, 2023).

Falsafah Pendidikan Islam menurut Abdul Malik Karim Amrullah boleh dilihat daripada beberapa aspek seperti matlamat Pendidikan Islam, Kurikulum, Pendidik, Kandungan Pendidikan, dan Murid (*peserta didik*).

Matlamat Pendidikan Islam

Secara keseluruhan, Hamka menggariskan dua dimensi utama dalam matlamat pendidikan Islam, iaitu dimensi duniawi dan dimensi ukhrawi. Matlamat ini bertujuan untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan kebahagiaan abadi di akhirat, selain membina keperibadian yang seimbang dari sudut individu dan sosial. Untuk mencapai matlamat ini, manusia perlu memanfaatkan sepenuhnya potensi yang dimiliki bagi tujuan beribadah kepada Allah dengan penuh kesungguhan, bukan hanya untuk mengejar kepentingan duniawi tetapi juga untuk memperoleh kejayaan di akhirat (Faris, 2023).

Pada asasnya, setiap individu mempunyai dua tanggungjawab utama. Pertama, tanggungjawab terhadap diri sendiri dengan memastikan diri terhindar daripada perbuatan yang membawa keburukan serta mengembangkan potensi diri ke tahap terbaik. Kedua, tanggungjawab terhadap masyarakat, yang mana seseorang individu berperanan membantu memajukan masyarakat melalui peningkatan tahap pendidikan, menjadikan masyarakat yang kurang berilmu kepada masyarakat yang lebih berpengetahuan. Ini jelas membuktikan bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam membawa kemajuan kepada sesebuah bangsa (Mursal, 2022).

Kurikulum

Konsep kurikulum pendidikan Islam menurut Hamka adalah mementingkan matlamat mencapai kejayaan tidak hanya di dunia namun kejayaan di akhirat. Maka, dalam pendidikan Islam setidaknya harus menekankan dua aspek penting iaitu pengajaran mengenai ilmu agama seperti pengajian al-Quran, Hadis, Syariah, teologis, metafisik Islam (tasawwuf). Disamping

itu juga, pelajar harus diberikan pendedahan dan penerapan mengenai ilmu rasional seperti ilmu falsafah, matematik, sains dan lain-lain ilmu yang dasarnya perlu kepada akal fikiran yang tajam, logik dan penalaran yang kritis (Umi, 2021).

Walaupun Hamka tidak pernah menyatakan kurikulum secara terperinci namun beliau menyatakan secara umum bahawa kurikulum pendidikan islam harus fleksibel bagi melahirkan manusia yang mempunyai kepedulian sosial yang tinggi disamping mendekatkan dirinya kepada Allah SWT sebagai bentuk pengabdian. Pandangan ini dilihat mempunyai persamaan dengan pandangan-pandangan tokoh pendidikan yang lain berkenaan dengan kurikulum (Irawan, 2023).

Pendidik

Menurut Hamka dalam sebuah karyanya menyatakan “*Tidaklah sempurna ikhlas orang yang mengharap surga di dalam amalnya dan takut akan neraka. Karena itu bukanlah lagi mencari laba bagi budi, tetapi mencari kebendaan untuk diri. Padahal kita bekerja menjungjung tinggi perintah Tuhan bukanlah lantaran mengharap akan laba.*”. Daripada petikan tersebut jelas bahawa Hamka menitik beratkan niat yang Ikhlas dalam diri seorang pendidik sebelum mengajar pelajar mereka (Rahayu, 2023).

Pendidik disisi Hamka bukan sahaja tertumpu kepada guru sahaja, malah tanggungjawab tersebut turut dipikul Bersama oleh ibubapa dan juga Masyarakat. Hamka menyatakan bahawa ibubapa adalah madrasah (tempat didikan) yang pertama bagi seorang insan. Justeru ibubapa ini bertanggungjawab membina rutin dan kebiasaan yang baik sejak dari awal. Contohnya memberikan teladan mengenai kewajipan solat lima waktu, menghormati orang dan lain-lain. Sehingga kebiasaan ini berjaya membentuk jati diri seorang insan yang taat kepada perintah Allah dan juga menjadi insan berakhhlak mulia didalam Masyarakat (Ice, 2022).

Seterusnya tugas seorang guru pula adalah lebih menjurus kepada proses mengembangkan potensi pelajar tersebut ketahap maksimum di sekolah, dari segi jasmani mahupun Rohani. Guru menurut Hamka bukan sahaja ejen penyampai maklumat kepada pelajar namun ianya harus menjadikan dirinya sebagai suri teladan yang baik (Irawan, 2023). Oleh itu menurut Hamka Guru mesti menghiasi dirinya dengan karakteristik yang cerdik, mempunyai daya tarikan, bertimbang rasa, berani, bijaksana, berfikiran positif, sihat jasmani, yakin diri, dan mempunyai ketenangan jiwa (Arbain, 2017).

Terakhir adalah Masyarakat. Hal ini kerana pelajar tersebut merupakan sebahagian daripada makhluk sosial yang mana mustahil untuk tidak berinteraksi antara satu dengan yang lainnya. Apabila berlakunya interaksi ini maka ianya membawa kepada satu lagi fenomena iaitu mempengaruhi dan dipengaruhi. Maka penting untuk Masyarakat memastikan perkembangan pelajar ini terjaga daripada perkara yang negatif apabila berada diluar kawalan ibubapa dan guru. Menurut Irawan (2023) menyatakan bahawa pelajar ini ditarikatkan seperti bunga atau matahari yang akan memberikan sinar dan wajah Baharu terhadap Masyarakat itu sendiri. Tambahan, untuk mengetahui perilaku sesebuah Masyarakat maka lihatlah kepada akhlak pelajar di tempat itu. Hal ini kerana perilaku masayarakat dipersekitaran mereka akan dijadikan panduan dan ikutan oleh pelajar tersebut setelah mereka melihat dan akhirnya meniru perbuatan-perbuatan samada ianya baik mahupun sebaliknya.

Murid

HAMKA menamakan insan yang menerima pendidikan adalah sebagai murid. Perkara penting yang perlu diambil berat oleh murid menurut HAMKA ialah perlu berusaha dengan sepenuhnya dalam memperkembangkan diri dari segala aspek, termasuk jasmani, rohani, bakat, dan juga mental. Usaha ini bertujuan untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah SWT.

Menerusi karya HAMKA yang bertajuk Lembaga Hidup terdapat beberapa sikap yang penting bagi seorang peserta didik antaranya seperti sentiasa berakhhlak baik dan rendah diri antara satu sama lain, sentiasa berusaha semaksimum mungkin dalam rangka mengembangkan potensi diri, menjauhi sifat sompong atas ilmu yang diperolehi, kekal hormat dan taat kepada ibubapa, guru dan orang lain, mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan seharian dan sentiasa mengutamakan adab yang baik (HAMKA, 2016)

Sumbangan Hamka Dalam Pendidikan Islam

Hamka memberikan sumbangan besar kepada pendidikan Islam melalui pelbagai aspek, termasuk penulisan, pengajaran, dan penglibatan aktif dalam organisasi keagamaan. Karya Hamka bukan sahaja mencerminkan kefahaman mendalam beliau terhadap al-Quran dan Sunnah, tetapi juga membawa pendekatan inovatif yang relevan dengan cabaran pendidikan moden.

Kitab Tafsir dan Karya Sastera

Salah satu sumbangan terbesar Hamka ialah karyanya, "Tafsir Al-Azhar", sebuah tafsir al-Quran yang ditulis dalam bahasa Melayu-Indonesia, menjadikannya mudah difahami oleh masyarakat awam. Hamka memberi tafsiran ayat-ayat al-Quran yang menghubungkan ajaran agama dengan kehidupan harian. Beliau membawa perspektif yang menjadikan pendidikan Islam lebih praktikal, contohnya dengan menekankan pentingnya kejujuran, tanggungjawab, dan rasa belas kasihan dalam hubungan sosial. Hamka percaya bahawa pendekatan seperti ini dapat membantu pelajar bukan sahaja memahami agama dengan lebih baik namun mereka juga mampu mengaplikasikan ilmu tersebut dalam kehidupan mereka.

Oleh itu, tafsir ini tidak hanya mengandungi penjelasan ayat-ayat Al-Quran tetapi juga menyampaikan nasihat praktikal tentang bagaimana prinsip-prinsip Islam boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Melalui tafsir ini, Hamka menekankan hubungan antara iman, ilmu, dan amal sebagai asas kepada pendidikan Islam yang holistik. Selain itu, Hamka juga menghasilkan karya-karya sastera seperti novel "*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*" dan "*Di Bawah Lindungan Ka'bah*" yang sarat dengan nilai-nilai keislaman dan mesej moral. Karya-karya ini menjadi medium pendidikan tidak formal yang mendidik masyarakat tentang cinta, pengorbanan, dan kepatuhan kepada ajaran Islam dalam konteks kehidupan harian.

Penglibatan Organisasi, Persatuan dan Masyarakat

Dari segi organisasi, HAMKA memainkan peranan utama sebagai pemimpin Majlis Ulama Indonesia (MUI). Dalam kapasiti ini, beliau berusaha memperkuuh sistem pendidikan yang berteraskan Al-Quran dan Sunnah. Antara inisiatif yang diambil termasuk merumuskan garis panduan pendidikan Islam yang sesuai dengan keperluan zaman tanpa mengorbankan prinsip-prinsip asas agama.

HAMKA juga dikenali sebagai penyokong pendidikan bebas dan terbuka. Beliau percaya bahawa pendidikan Islam tidak harus bersifat eksklusif tetapi inklusif, terbuka kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang. Pandangan beliau ini diterjemahkan melalui sokongan terhadap gerakan pendidikan seperti Muhammadiyah, yang bertujuan memperbaiki sistem pendidikan tradisional dan memberikan peluang kepada golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan pendidikan berkualiti. HAMKA turut aktif memberikan ceramah dan khutbah yang memperkasakan pemikiran masyarakat, terutama dalam membangkitkan kesedaran tentang pentingnya pendidikan berteraskan nilai Islam. Beliau menggunakan platform ini untuk menggalakkan pembinaan individu Muslim yang bukan sahaja memiliki ilmu pengetahuan tetapi juga akhlak yang terpuji, menjadikan mereka aset kepada masyarakat.

Sumbangan beliau juga melangkaui sempadan Indonesia. Pemikirannya dalam bidang pendidikan Islam dihormati di seluruh Nusantara, termasuk Malaysia dan Singapura. Idea-idea beliau telah memberi inspirasi kepada pembaharuan pendidikan di peringkat serantau, khususnya dalam menyelaraskan sistem pendidikan agama dengan keperluan dunia moden. Secara keseluruhan, HAMKA adalah seorang pendidik dan reformis yang berjaya meninggikan nilai-nilai tradisional Islam dengan pendekatan progresif. Sumbangannya yang meluas dalam bentuk penulisan, organisasi, dan pendidikan telah meninggalkan legasi yang mendalam, menjadikan beliau sebagai tokoh pendidikan Islam yang dihormati hingga ke hari ini (Ice, 2022).

Kepentingan Akhlak Dalam Pendidikan Hamka

Definisi akhlak menurut Dewan Kamus Bahasa dan Pustaka berasal daripada perkataan Jamak bagi *khuluk* dalam Bahasa Arab membawa maksud budi pekerti, kelakuan, tabiat (Pustaka, 2017). Sehubungan dengan itu, Pendidikan akhlak dalam Islam adalah suatu usaha mempertingkatkan budi perkerti, memperindah kelakuan dan tabiat seseorang manusia supaya menjadi insan yang bertaqwa kepada Allah (Ibrahim, 2017). Hal ini sepetimana di sebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا بُعْثَثُ لِأَتْمِمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Daripada Abu Hurairah, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya aku diutuskan hanyalah untuk menyempurnakan akhlak yang baik."

Riwayat Ahmad (8952)

Menurut HAMKA usaha mendidik manusia tidak terhenti pada usaha memberikan ilmu pengetahuan sahaja, malah usaha tersebut diteruskan lagi kepada aspek pendidikan akhlak. Dengan meletakkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai panduan bagi manusia untuk menentukan akhlak tersebut baik ataupun tercela. Disamping itu, HAMKA juga tidak menolak keseluruhan adat budaya selagi mana perkara tersebut tidak bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah. Bukti, HAMKA mengarang tafsir al-Azhar dengan cara memberikan huraiyan yang hampir dengan kehidupan sehari-hari masyarakat pada ketika itu supaya para pembaca mudah untuk memahami dan mengaplikasikan ajaran Islam dengan baik (Fuadi et al., 2021).

Seterusnya, HAMKA menyatakan bagi menerapkan akhlak yang baik adalah suatu perkara yang mampu dilaksanakan melalui latihan rutin yang berterusan. HAMKA (2018) Didalam buku Kenang-kenangan Hidup menyebut pendidikan dan persekitaran tempat seseorang dibesarkan itulah yang akan membentuk peribadinya. Justeru itu, difahami bahawa aspek utama dalam Pendidikan akhlak menurut HAMKA adalah pemilihan persekitaran yang baik supaya perkara ini dapat mempengaruhi rutin kebiasaan seseorang yang akan matatijahkan akhlak yang mulia. Selain itu, HAMKA menyatakan dalam Falsafah Hidup akhlak merujuk kepada sesuatu yang tertanam dalam jiwa manusia, seseorang yang dapat melakukan sesuatu perkara baik atau buruk bergantung kepada keadaan jiwa. Istilah akhlak sering dikaitkan dengan budi pekerti (HAMKA, 1986). HAMKA turut menyatakan perkara yang dapat mempengaruhi jiwa adalah dengan mengharapkan syurga dan takut akan neraka, harapan pujian dari Allah dan bimbang akan celaanNya seterusnya mengharap akan redha Allah sahaja (Kasmali, 2015).

Kesimpulan

Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) merupakan seorang tokoh penting yang membawa pembaharuan besar dalam sistem pendidikan Islam di Nusantara. Pemikirannya yang menekankan integrasi antara nilai-nilai agama dan keperluan praktikal dunia moden menjadikan beliau tokoh yang relevan hingga ke hari ini. Sumbangan beliau melalui karya-karya ilmiah, peranan dalam organisasi keagamaan, dan pendekatan pendidikan yang holistik telah memberikan impak yang mendalam kepada pembentukan generasi Muslim yang seimbang antara intelek dan akhlak.

Keupayaan HAMKA untuk mengatasi cabaran dan kritik terhadap pendekatan inovatifnya menunjukkan kecekalan beliau dalam memperjuangkan pendidikan Islam yang lebih inklusif dan berkesan. Beliau tidak hanya menjadi inspirasi kepada pendidik dan pembuat dasar, tetapi juga meninggalkan legasi pendidikan yang menekankan pembangunan individu secara menyeluruh, iaitu dari segi ilmu, amal, dan akhlak. Peninggalan pemikiran dan usaha beliau akan terus menjadi sumber inspirasi dan panduan kepada generasi akan datang dalam memperkuuh sistem pendidikan Islam yang relevan dengan cabaran semasa tanpa mengabaikan asas-asas agama.

Rujukan

- Arbain, A. (2017). Pemikiran Hamka dalam Novel-novelnya: Sebuah kajian sosiologis. *Jurnal Puitika UNAND*, 13(2).
- Faris, M. F. (2023). Pemikiran Buya Hamka tentang kurikulum pendidikan islam. *Kutubkhanah*, 23(1).
- Fuadi, S. T., Bisri, H., & Sumadi, S. (2021). Landasan Pendidikan Akhlak Menurut HAMKA. *Tsamratul Fikri/ Jurnal Studi Islam*, 15(1), 53.
- HAMKA. (1986). *Falsafah Hidup*. Pustaka Panjimas.
- HAMKA. (2016). *Lembaga Hidup*. PTS Publishing House.
- HAMKA. (2018). *Kenang-Kenangan Hidup* (1 ed.). Gema Insani.
- Hurairah, A. Musnad Ahmad. In A. b. Hanbal (Ed.), *Musnad Ahmad bin Hanbal* (pp. Hadis No. 8952). Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Ibrahim, B. (2017). Pendidikan Akhlak Dalam Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, 6(12).
- Ice, S. (2022). *Pemikiran Prof. Dr. H. Abdul Malik Bin H. Abdul Karim Amrullah (Buya HAMKA) Tentang Pendidik Dalam Pendidikan Islam UIN Raden Intan Lampung]*.
- Inayati, S. N. A., Ramadhani, R., Ramadhani, R., & Hardianti, H. (2020). Pendidikan Karakter dalam Pemikiran Buya Hamka. *Maslahah: Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 1(1), 49-58.
- Irawan, S. A. D. (2023). Konsep Pendidikan Islam Dalam Perspektif Pemikiran Buya Hamka. *SILABUS: Jurnal Pendidikan Indonesia*, 1(1), 1-16.
- Karumiadri, M., Jinan, M., & Maksum, M. N. R. (2023). Nilai-Nilai Pendidikan Humanistik Menurut Prof. Dr. Hamka serta Relevansinya terhadap Tujuan Pendidikan Nasional. *Murhum: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 4(2), 165-178.
- Kasmali, K. (2015). Sinergi Implementasi Antara Pendidikan Akidah Dan Akhlak Menurut Hamka. *Jurnal Theologia*, 26(2).
- Kementerian Pendidikan Malaysia, K. (2025, 20 Januari 2025). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia Retrieved 21 Januari 2025 from <https://www.moe.gov.my/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Mursal, M. (2022). Pemikiran Pendidikan Islam Menurut Buya Hamka. *Kreatifitas Jurnal Ilmiah Pendidikan Islam*, 11(2), 101-115.
- Nashir, A. (2008). Buya Hamka dan Mohammad Natsir tentang Pendidikan Islam. *At-Ta'dib*, 3(1).
- Pustaka, D. B. d. (2017). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka In Akhlak. Retrieved 19 Januari 2025, from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=akhla>
- Rahayu, S. (2023). Konsep Pendidik Menurut HAMKA. *Jurnal Cahaya Mandalika ISSN 2721-4796 (online)*, 4(3), 1012-1022.
- Ridzuan, A. N. A. (2020). *Pemikiran Sayyid Qutb (1906-1966) Dan Haji Abdul Malik Karim Amrullah (1908-1981) Dalam Fungsi Dakwah (Studi analisis komparatif Tafsir Al-Quran)* Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau].
- Umi, Z. S. (2021). *Konsep Pendidikan Islam Perspektif Buya HAMKA* IAIN Purwokerto].
- Wiratmaja, I. N., Suacana, I. W. G., & Sudana, I. W. (2021). Penggalian nilai-nilai pancasila berbasis kearifan lokal bali dalam rangka penguatan wawasan kebangsaan. *POLITICOS: Jurnal Politik Dan Pemerintahan*, 1(1), 43-52.